From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 12 July, 2022 8:26:38 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pengerusi LPU UUM Jadi Panel Forum SOfBOD

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 JULAI 2022 / 12 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

PENGERUSI LPU UUM JADI PANEL FORUM SOfBOD



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar telah dijemput menjadi panel forum sempena Program Suai Tugas Strategik Ahli Lembaga Pengarah

Universiti Awam (SOfBoD), baru-baru ini.

Beliau antara panel bagi forum bertajuk ‘Peranan Lembaga: Governan, Undang-Undang dan Integriti’ bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) Jabatan Audit Negara, Roslan Abu Bakar dan Penasihat Undang-Undang UPSI, Mejar (B) Mohd Ramli Othman, manakala Penolong Naib Canselor Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM, Datuk Prof. Dr. Mizan Hitam sebagai moderator.

Program anjuran Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) yang turut dihadiri tiga ahli LPU UUM, Dato' Wan Shaharuddin Wan Mahmood, Khairul Azwan Harun dan Dato' Noraslina Zainal Abidin itu kemudian dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Pada majlis itu juga, Yang Berhormat Menteri telah melancarkan lima buku iaitu Modul Suai Tugas Strategik Ahli Lembaga Pengarah UA (SOfBoD), Coached by the Pros Series, Memimpin yang Terpimpin Jilid 1 dan Jilid 2, Komunikasi Berkesan dalam Kepimpinan dan SHARE Model for Leaders.

Beliau turut menyampaikan sijil penyertaan kepada Pengerusi Majlis Lembaga Pengarah Universiti yang juga Pengerusi LPU UUM.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.